

PRAKATA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Keluarga UiTM.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, Festival Altruisme 3.0 berjaya dilaksanakan. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Akademi Pengajian Bahasa (APB) serta penganjur bersama yang terdiri daripada ICAN UiTM Shah Alam, Unit Perkhidmatan OKU (UPO), dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Terima kasih juga kepada Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK), UiTM Shah Alam, Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA), Kolej Kediaman Mawar, Kolej Kediaman Teratai, UiTM Shah Alam, dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang turut bekerjasama dalam menjayakan Festival Altruisme 3.0.

Sebagaimana kita sedia maklum, Festival Altruisme 3.0 ini merupakan program bersiri rentetan daripada penganjuran Hari Altruisme APB yang diadakan pada tahun 2017 dan Karnival Cakna Komuniti APB (KACAK) pada tahun 2018. Saya mengharapkan festival pada kali ini dengan tema “Altruisme Meningkatkan Kesedaran Komuniti Inklusif Golongan OKU”, akan dapat memupuk keprihatinan mahasiswa dan masyarakat serta mampu memberi impak kepada kesejahteraan golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Seterusnya diharapkan juga festival ini dapat menjadi salah satu platform bagi memangkin aktiviti kemasyarakatan dan sukarelawan dalam kalangan mahasiswa UiTM dan organisasi luar yang berkaitan. Hal ini sejajar dengan salah satu teras dalam visi Malaysia MADANI berdasarkan konsep kesediaan menerima perubahan, dengan mengambil kira saranan segenap lapisan masyarakat serta hasrat pemulihan melalui reformasi substantif demi Malaysia yang lebih maju dan makmur.

Akhir kata, sekali lagi syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Semoga segala usaha gigih dan kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak yang terlibat akan dibalas dengan kebaikan.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR

Naib Canselor UiTM